

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELEPASAN GST KE ATAS PERKHIDMATAN PEMBINAAN BANGUNAN SEKOLAH DAN RUMAH IBADAT

Pengenalan

Di dalam bajet 2018, Kerajaan telah mengumumkan pelepasan GST 100% diberikan ke atas perkhidmatan pembinaan bangunan sekolah dan rumah ibadat yang dibiayai melalui sumbangan awam. Pelepasan yang diberikan adalah terhad kepada perkhidmatan pembinaan bangunan sekolah yang masih belum diinvoiskan.

Kriteria Kelayakan Pelepasan GST

1. Memperoleh kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tabung pembinaan;
2. Mendapat kelulusan pembangunan dan pembinaan dari Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia atau Majlis Agama Negeri (surau atau masjid);
3. Perjanjian perkhidmatan pembinaan mestilah ditandatangani pada atau selepas 1 April 2017; dan
4. Bagi permohonan yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan mulai 27 Oktober 2017.

Skop Pelepasan

Sekolah

- a. Melibatkan pembinaan bangunan sekolah serta kemudahan termasuk dewan dan gelanggang sukan yang digunakan secara langsung bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (pelepasan GST tidak terpakai ke atas pembelian bangunan komersial); dan
- b. Perkhidmatan pembinaan bangunan lain seperti asrama, pondok pengawal, pagar sekolah, kuarters guru, perkhidmatan keselamatan sekolah dan lain-lain perkhidmatan serta perolehanengkapan dan lekapan (*fixtures and fittings*) seperti pemasangan *tiles* dan langsir tidak layak untuk pelepasan ini.

Rumah Ibadat

- a. Melibatkan pembinaan rumah ibadat yang digunakan secara langsung dalam upacara sembahyang sahaja (pelepasan GST tidak terpakai ke atas pembelian bangunan komersial); dan
- b. Perkhidmatan pembinaan bangunan lain seperti kuarters, dewan makan, astaka, ruang parkir dan dan lain-lain perkhidmatan serta perolehan lengkapan dan lekapan (*fixtures and fittings*) seperti karpet dan perabot tidak layak untuk pelepasan ini.

Cara Memohon

Pihak jawatankuasa pembinaan sekolah/rumah ibadat perlu mengemukakan surat permohonan di dalam Bahasa Malaysia dengan disertakan dokumen/maklumat seperti di berikut:

- i. Salinan surat kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tabung pembinaan
- ii. Salinan surat kelulusan pembangunan dan pembinaan dari Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia atau Majlis Agama Negeri (surau atau masjid)
- iii. Salinan Surat Setuju Terima dan perjanjian perkhidmatan pembinaan sekolah/rumah ibadat bagi pelantikan kontraktor termasuk pelan

Permohonan lengkap berserta dokumen/maklumat hendaklah dikemukakan kepada:

**Setiausaha Bahagian Cukai
Perbendaharaan Malaysia
Aras 6 & 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA**

** Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa berhak memohon maklumat tambahan selain dinyatakan di atas bergantung kepada permohonan yang dikemukakan*